

# Larian Perdana hangatkan USIM

PUSAT Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan mengadakan Larian Perdana dan Program Senam Cergas Seni pada 25 Februari ini.

Program yang dijadualkan berlangsung di kampus utama USIM itu dianjurkan bersempena dengan Program Minggu Integeriti Pelajar yang bermula hari ini hingga 27 Februari.

Ia akan bermula pada pukul 5 petang dengan aktiviti Larian Perdana yang diadakan di Dataran Pusat Kemudahan Pelajar sehingga ke Kompleks Sukan.

Selepas itu, semua mahasiswa akan berkumpul untuk sama-sama menjayakan Program Senam Cergas Seni.

Larian Perdana kali ini akan disertai ratusan mahasiswa dengan membawa Jalur Gemilang dan Baton Ikrar Integeriti melalui beberapa fakulti utama di USIM.

Di samping itu, beberapa program sampingan akan dijalankan termasuk pertunjukan dan demonstrasi sukan paraglider yang bermula pada pukul 2 petang hari yang sama.